



KOPERASI KOPERKASA SARAWAK BERHAD

NOTIS MAKLUMAN

PENANGGUHAN MESYUARAT AGUNG KAWASAN TAHUN 2020

Kepada:

Para Anggota yang dihormati

Dengan mengambilkira situasi wabak Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang dilaksanakan sehingga 31 Disember 2020, adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Anggota Lembaga pada 12 September 2020 telah membuat keputusan untuk mengadakan Mesyuarat Agung Kawasan secara tentatifnya pada bulan Mac 2021. Tarikh mesyuarat akan ditetapkan kemudian dan akan dimaklumkan kepada semua anggota menerusi Notis Mesyuarat Agung yang akan dikeluarkan melalui suratkhbar, laman web dan portal KOPERKASA. Keputusan ini dibuat setelah merujuk dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak.

Selaras dengan keputusan untuk menangguhkan Mesyuarat Agung Kawasan tersebut, maka dengan itu pencalonan perwakilan akan diadakan semula. Dengan itu pencalonan yang telah dibuat pada 18 Februari 2020 adalah terbatal. Notis Pemberitahuan berkenaan pencalonan perwakilan ini akan dikeluarkan serentak dengan Notis Mesyuarat Agung Kawasan dalam tempoh tidak kurang daripada 15 hari sebelum mesyuarat diadakan nanti.

Keputusan untuk mengadakan semula proses pencalonan perwakilan adalah atas prinsip keadilan dan kesaksamaan kepada semua anggota memandangkan tempoh pencalonan dari bulan Mac 2020 hingga Mesyuarat Agung terawal tahun 2021 akan mempunyai anggota-anggota yang layak untuk menjadi perwakilan seterusnya ingin bertanding sebagai Anggota Lembaga Koperasi.

Sekian, dimaklumkan.

Dengan Perintah Anggota Lembaga
KOPERASI KOPERKASA SARAWAK BERHAD


(ABDOLL KADER BIN OSMAN BBS)
SETIAUSAHA

Tarikh: 21 September 2020